



قِبَّةُ فَرِيدْهارَانْ نَكْرِي كَلِنْتَنْ  
PEJABAT PERBENDAHARAAN  
NEGERI KELANTAN  
Blok 4, Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am	: 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri	: 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri	: 09-7436429
Penolong Pegawai Kewangan Negeri 1	: 09-7441024
Ketua Unit Analisis & Pemantauan Pelaburan	: 09-7483495
Bendahari Negeri	: 09-7483484
Fax No	: 09-7487113
E-mail : pejkn@kelantan.gov.my	

Ruj. Kami: P.K.N.A 1/9-1/Jld.8 (32)  
Tarikh : 14 Jamadilawal 1435H  
16 Mac 2014M

Ke majlis,

Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri,  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri,  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri,

YB. Dato'/YM.Tengku/Tuan/Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 3 TAHUN 2014**

**DASAR DAN GARIS PANDUAN MENGENAI BAYARAN BONUS OLEH SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN**

Tujuan pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai persetujuan Kerajaan Negeri menerima maklumat mengenai Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Bonus Oleh Syarikat-Syarikat Kerajaan bagi semua Jabatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan. Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri Dan Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah diminta mengambil tindakan melaksanakan pemakaian pekeliling ini.

2. Sehubungan dengan itu, YB. Dato'/YM.Tengku/Tuan/Puan bolehlah mendapatkan Pekeliling Perbendaharaan (Persekutuan) Bil. 10 Tahun 1993 dengan melayari laman web Kementerian Kewangan Malaysia : [www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my) untuk makluman dan tindakan selanjutnya.
3. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.3 tahun 2014 ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**" ISLAM DIHAYATI, RAJA DITAATI, RAKYAT DIN AUNGI "**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI NIK KAZIM BIN HAJI NIK YUSOFF, D.P.S.K)**

Pegawai Kewangan Negeri  
Kelantan

**Salinan kepada:**

**Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan**

**Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan**

**Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan**

**Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan**



## **PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 10 TAHUN 1993**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Semua Pengerusi/Ketua Pengarah  
Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri,  
Semua Pengerusi/Ketua Eksekutif  
Syarikat-syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

### **DASAR DAN GARIS PANDUAN MENGENAI BAYARAN BONUS OLEH SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN**

#### **1. TUJUAN**

1.1 Kerajaan telah memutuskan untuk mengadakan garispanduan mengenai bayaran bonus oleh semua lapisan syarikat Kerajaan kepada semua kategori kakitangannya supaya bayaran itu menjadi insentif yang berkesan untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi kakitangan syarikat. Ini adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Jemaah Menteri Mengenai Perusahaan Awam Bukan Kewangan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 18hb. Mei, 1993.

#### **2. TAKRIF**

2.1 Bagi tujuan Pekeliling ini, takrif syarikat-syarikat Kerajaan adalah seperti berikut:

2.1.1 Syarikat-syarikat Induk di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, di mana Kerajaan mempunyai pegangan ekuiti lebih dari 50.0%;

2.1.2 Syarikat-syarikat Subsidiari yang dikawal oleh Syarikat-syarikat Induk Kerajaan atau oleh Badan-badan Berkanun;

2.1.3 Syarikat-syarikat Subsidiari yang dimaksudkan itu adalah termasuk semua lapisan syarikat di mana Kerajaan mempunyai pegangan ekuiti secara terus atau efektif lebih dari 50.0%.

### **3. PEMAKAIAN PEKELILING**

3.1 Bagi syarikat-syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan), cadangan bayaran bonus seperti yang terkandung di dalam Pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan oleh Y.B. Menteri Kewangan.

3.2 Bagi syarikat-syarikat yang dikawal oleh Badan-Badan Berkanun yang diawasi oleh Kementerian-ementerian yang lain, cadangan berkenaan perlu dikemukakan kepada Kementerian Pengawal masing-masing untuk pertimbangan dan kelulusan Y.B. Menteri berkenaan.

### **4. PEMAKAIAN PEKELILING OLEH KERAJAAN NEGERI**

4.1 Semua Kerajaan Negeri adalah diminta untuk mematuhi Pekeliling ini selaras dengan keputusan Persidangan Menteri-Menteri Besar Dan Ketua-Ketua Menteri Ke 69 pada 10hb. Jun, 1993 yang telah menerima semua keputusan yang telah

dibuat oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri Mengenai Perusahaan Awam Bukan Kewangan.

4.2 Bagi syarikat-syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Y.A.B. Menteri Besar/Ketua Menteri berkenaan.

## **5. DASAR DAN GARISPANDUAN BAYARAN BONUS**

5.1 Syarikat-syarikat Induk Kerajaan atau Badan Berkanun perlu memastikan bahawa semua dasar dan garispanduan bayaran bonus ini dipatuhi oleh semua lapisan Syarikat Subsidiari mereka.

5.2 Bayaran bonus bagi Syarikat Induk dan semua lapisan Syarikat Subsidiari masing-masing perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk atau Badan Berkanun berkenaan sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan/Kementerian Pengawal atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

5.3 Syarikat-syarikat Kerajaan yang dikawal oleh Kerajaan yang memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai (tidak termasuk keuntungan luar biasa melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu yang akan diputuskan oleh Y.B. Menteri atau Y.A.B. Menteri Besar/Ketua Menteri berkenaan) dibenar membayar bonus untuk sesuatu tahun kepada pekerja-pekerjanya.

5.4 Keuntungan munasabah perlu mengambilkira, di antara lain, objektif penubuhan sesebuah syarikat, termasuk objektif-objektif sosial, sekiranya ada.

5.5 Semua Kumpulan Syarikat Induk yang mempunyai keuntungan perlu mengemukakan kepada Kementerian Kewangan/Kementerian Pengawal atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri masing-masing cadangan bayaran bonus dan asas-asasnya di dalam tempoh tidak lebih dari satu bulan selepas buku akaun tahunannya ditutup dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk atau Badan Berkanun berkenaan.

5.6 Cadangan bayaran bonus bagi Kumpulan Syarikat yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan/Kementerian Pengawal atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri perlu mengandungi butir-butir yang terperinci seperti keuntungan sebelum cukai tahun yang berkenaan dan bagi tiga (3) tahun sebelumnya dan asas-asas cadangan bayaran tersebut. Cadangan itu perlu merangkumi cadangan bayaran bonus kepada semua kakitangan Syarikat Induk dan juga semua kakitangan Syarikat-syarikat Subsidiari berdasarkan kepada prestasi setiap syarikat yang diperakukan untuk bayaran bonus.

5.7 Bagi kakitangan bukan eksekutif, jumlah bayaran bonus adalah tertakluk kepada persetujuan bersama di antara pihak majikan dan kesatuan sekerja.

5.8 Bagi pegawai-pegawai eksekutif termasuk Ketua Eksekutif, jumlah bumbung purata pembayaran bonus, sebagai panduan, tidak harus melebihi dua (2) bulan gaji. Bagaimanapun jumlah bonus yang boleh dibayar kepada setiap Ketua Eksekutif Syarikat Induk dan juga Ketua-ketua Eksekutif Syarikat-syarikat Subsidiari adalah tertakluk kepada keputusan Y.B. Menteri atau Y.A.B. Menteri Besar/Ketua Menteri berkenaan. Ketua Eksekutif yang dimaksudkan ini adalah termasuk Pengerusi Eksekutif.

5.9 Sekiranya ramai pegawai dan kakitangan tertentu yang menunjukkan prestasi yang cemerlang atau secara keseluruhannya syarikat yang berkenaan memperolehi keuntungan cemerlang, jumlah bumbung purata bayaran bonus

yang melebihi dua (2) bulan boleh dipertimbangkan.

5.10 Keuntungan cemerlang ditakrifkan sebagai pertambahan peratusan keuntungan yang besar berdasarkan kepada keuntungan operasi tiga (3) tahun yang lalu, iaitu tidak termasuk keuntungan luar biasa.

## **6. MENGEMUKAKAN CADANGAN BAYARAN BONUS DAN DIVIDEN SECARA SERENTAK**

6.1 Cadangan kepada Kementerian Kewangan/Kementerian Pengawal atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri masing-masing mengenai bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran dividen kepada pemegang saham.

## **7. SURAT-SUARAT PEKELILING SEDIA ADA**

7.1 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan surat-surat Pekeliling Perbendaharaan ilangan S(8.02)102-1 Jd.3 bertarikh 15hb. Julai, 1985 dan S(8.02)102-1 Jd.4 bertarikh 11hb. April 1989.

## **8. SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN YANG DISENARAIKAN DI BURSA SAHAM KUALA LUMPUR (BSKL)**

8.1 Bagi syarikat-syarikat Induk dan Subsidiari yang dikawal oleh Kerajaan dan disenaraikan di BSKL, Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan peraturan-peraturan yang sedia ada di BSKL yang berkaitan dengan perkara ini.

## **9. TARIKH KUATKUASA**

9.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

(TAN SRI DATO' MOHD. SHERIFF BIN MOHD. KASSIM)

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

Kementerian Kewangan,

Malaysia.

26/10/93